

- Arahan :**
1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil.
  2. Guru akan menyediakan beberapa situasi yang memerlukan murid berfikir tentang tindakan hemah tinggi.
  3. Murid mempunyai peranan masing-masing dalam kumpulan.
  4. Antara peranan murid ialah:
    - (a) Murid 1 : Susun kad seperti kipas
    - (b) Murid 2 : Pilih kad dan bacakan soalan
    - (c) Murid 3 : Jawab soalan
    - (d) Murid 4 : Beri respon dan beri pujian kepada jawapan rakan
  5. Murid secara berkumpulan akan menulis respon soalan kumpulan dalam kad pelbagai bentuk dan warna.
  6. Guru perlu menyediakan soalan situasi dan ditulis pada kad. Kad tersebut akan dicabut oleh murid dan murid perlu membaca situasi tersebut.
  7. Contoh situasi yang boleh digunakan ialah :

### Situasi 1

Jiran memasak makanan dan memberikan makanan kepada kamu.

### Situasi 2

Kamu ingin keluar tetapi kamu perlu lalu di hadapan jiran yang sedang berborak dengan ayah kamu.

### Situasi 3

Kamu dan keluarga dijemput hadir ke rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri di kawasan kejiranan kamu.

### Situasi 4

Dalam perjalanan ke taman permainan, kamu terserempak dengan jiran di sebelah rumah kamu yang tengah membawa barang yang banyak.

8. Murid perlu menyatakan tindakan yang berhemah tinggi berdasarkan situasi yang ditulis pada kad tersebut.
9. Guru akan membuat rumusan dan penilaian berdasarkan hasil kerja murid.